

KONSEP KESEIMBANGAN DAN KEHARMONIAN DALAM SISTEM PERUBATAN MELAYU: SATU TINJAUAN AWAL BERDASARKAN *KITAB TIBB*

PENGENALAN

Manuskrip Melayu menurut takrifan Perpustakaan Negara Malaysia merujuk kepada karya bertulis tangan dalam tulisan jawi yang dihasilkan dalam lingkungan awal abad ke-16 sehingga awal abad ke-20. Bidang penulisan manuskrip mencapai kemuncaknya pada abad ke-17 serentak dengan kegemilangan ilmu Islam yang berpusat di Aceh (Mahayudin, 2000). Manuskrip Melayu yang dikenali sebagai *Kitab Tibb* mengandungi ilmu berkaitan sains perubatan dan kesihatan masyarakat Melayu yang merakamkan cara-cara mengubati penyakit menggunakan sumber alam semulajadi berupa flora dan fauna serta rempah ratus yang didapati berkesan untuk mengubati penyakit. Menurut Ding (2003), manuskrip Melayu pada kebiasaannya disalin berulang kali hingga memungkinkan terdapat versi yang berbeza bagi sesebuah manuskrip. Sebagai contoh, terdapat 26 versi *Tajus Salat* dan 18 versi *Sejarah Melayu* yang disimpan di pelbagai perpustakaan di seluruh dunia. Hal yang sama dapat dilihat dalam konteks manuskrip perubatan Melayu meskipun tidak dapat dipastikan sama ada terdapat persamaan antara salinan teks yang dikenali dengan kod dan siri yang berbeza bagi setiap negara. Sebagai contoh, *Kitab Tib* dalam koleksi Perpustakaan Negara Malaysia dikenali dengan kod MSS dan diikuti dengan nombor siri seperti 2219, 759, 1292, 1754 dan sebagainya. *Kitab Tib* di Departmen Pendidikan & Keguruan Jakarta walau bagaimanapun dikenali sebagai M1.832 dan M1.833 (Shaharir 2003) manakala *Kitab Tib* di Belanda dikategorikan sebagai Cod. Or. 1769, 6558, 4818(b), 8216, 8704, 8733, 12168B dan 7230 (Wan Ali, 1985).

Antara faktor yang menyebabkan terdapatnya koleksi yang berbeza di negara yang berlainan adalah usaha pengumpulan dan pentalinan manuskrip yang meningkat dengan agak ketara pada akhir kurun ke-19. Berdasarkan kajian yang telah dibuat oleh Shaharir (2003), manuskrip perubatan yang bermutu besar berkemungkinan disimpan di Wellcome Institute for The History of Medicine, London dalam koleksi 'The Hervey Malay Collection'. Selain itu, terdapat manuskrip perubatan dan berunsur sains dan teknologi yang tersimpan di luar Malaysia dan Indonesia seperti di Belanda, Perancis, Jerman, Amerika Syarikat dan Afrika Selatan. Jelas Ding (2009b: 196), pengalihan manuskrip Melayu ke negara-negara Eropah khususnya bukan hanya 'memecah-belahkan koleksi asal manuskrip di Dunia Melayu' malah turut membawa kerugian besar kepada masyarakat Melayu terutamanya dari aspek kajian perkembangan budaya, sastera dan bahasa Melayu. Sehingga hari ini, ribuan manuskrip lama Melayu masih tersimpan di luar negara. Usaha kerajaan Malaysia bagi membawa pulang manuskrip-manuskrip Melayu lama yang tersimpan di beberapa universiti di Britain misalnya menemui kesukaran kerana undang-undang pemilikan intelek jelas menyatakan bahawa manuskrip-manuskrip tersebut adalah milik kerajaan British setelah dibawa pulang oleh pengkaji Barat sewaktu Inggeris menjajah Tanah Melayu. Walaupun pengkaji manuskrip tempatan masih mampu memiliki salinan manuskrip tersebut melalui salinan filemnya (Berita Harian, 11 Julai 2006), faktor kos dan kurangnya kepakaran dalam bidang kajian manuskrip menyebabkan hanya 30% kajian mendalam telah dibuat mengenai kira-kira 10,000 manuskrip Melayu di seluruh dunia (Ding, 2009).

KITAB TIBB: KEPERLUAN KAJIAN

Raja dan istana merupakan penaung utama tradisi Melayu dalam bidang penulisan dan penyalinan teks pelbagai bidang sehinggalah akhir abad ke-19. Walau bagaimanapun, pegehadan kuasa istana kepada hanya aspek agama dan adat pada abad ke-20 telah menyebabkan perkembangan masyarakat Melayu agak terbatas (Ding, 2008a). Monopoli Barat di alam Melayu khususnya dapat dilihat bukan hanya dalam bidang politik dan ekonomi tetapi juga dalam usaha pengumpulan dan penyalinan manuskrip Melayu dalam pelbagai bidang. Usaha ini dilihat berhasil dengan bermulanya pengajian Melayu secara formal di Delft dan Leiden pada tahun 1842 dan 1877 (Ismail Hussein, 1974 dalam Ding, 2008b) serta School of Oriental and African Studies pada 1916 (Jones 1982 & 1985, dalam Ding 2008b). Meskipun hal ini boleh dilihat sebagai sesuatu yang positif terutamanya dari segi perkembangan pengajian Melayu di peringkat antarabangsa, tafsiran dan analisa yang dibuat oleh pengkaji Barat mengenai aspek berkaitan budaya mahupun bahasa Melayu perlu diberikan penilaian semula agar tidak timbul sikap hanya menerima tanpa mempersoalkan setiap tafsiran dan analisa yang telah dibuat. Menurut Winzeler (1983), keterangan yang diberikan oleh golongan orientalis ini tidak sepatutnya diterima secara bulat-bulat tanpa sebarang penilaian kerana kebanyakannya dibuat tanpa kajian terperinci dan berlandaskan andaian semata. Meskipun antara faktor pendorong kajian-kajian ini adalah minat terhadap kehidupan masyarakat Melayu, terdapat beberapa motif tertentu yang mendorong kecenderungan tersebut. Jelas beliau:

The proximate motives for studying and writing about Malay magic were mainly that it was inherently interesting, an important part of Malay life and culture, and so on. Behind these motives lay a complex of attitudes and values with regard to the nature of traditional Malay society and changes it was undergoing as a consequence of colonial domination.

(Winzeler, 1983: 452)

Berdasarkan kajian yang dibuat oleh penyelidik, penekanan kepada unsur-unsur yang bersifat tahyul dan tidak saintifik dalam perubatan Melayu boleh dilihat sebagai salah satu agenda Barat dalam menonjolkan sifat inferior yang ada pada bangsa yang dijajah serta kelebihan yang ada pada perubatan Barat. Malah, pengarang Melayu turut didakychkan sebagai hanya ‘mencedok gaya sastera Hindu dan Arab’ (Ding 2008a) hingga menafikan kearifan masyarakat Melayu dalam pelbagai bidang ilmu, termasuklah perubatan. Memandangkan ramai pengkaji Barat yang menulis tentang perubatan Melayu ‘tidak memahami keseluruhan sistem perubatan Melayu’ (Hood, 1989:803), kajian manuskrip memainkan peranan besar dalam mengisi kelompangan yang masih wujud terutamanya dalam memahami ‘falsafah dan jati diri bangsa Melayu’ (Ding 2008a) khususnya yang berkait dengan bidang perubatan. Kajian manuskrip perubatan Melayu atau *Kitab Tibb* juga adalah penting kerana ia memberikan sudut pandang berbeza yang mengenai perubatan Melayu daripada karya penulis Barat seperti Maxwell, Skeat dan Winstedt yang banyak menekankan elemen mistik dan tahyul dalam perubatan Melayu.

Kajian mengenai manuskrip perubatan Melayu membuka ruang kepada penonjolan ciri-ciri saintifik ilmu atau sains perubatan Melayu yang ‘melangkai konsep saintifik mengikut

acuan positivisme yang hanya mengiktiraf unsur rasional dan empirikal sebagai sumber ilmu' (Pisol, 2013). Jelas Pisol:

'... ciri saintifik sesuatu ilmu atau sains dalam masyarakat Melayu khususnya selepas kedatangan Islam adalah suatu kerasionalan yang berdasarkan epistemologi Islam yang mencari kebenaran melalui ilmu pengetahuan dan sumber ilmu yang dirangka secara sistematik mengikut prioriti dan sumbernya. Sumber aspek teoretikal dan justifikasi tentang semua aspek dalam sesuatu ilmu pengetahuan itu dapat dihuraikan sebab musababnya'

(Pisol, 2013: 181)

Dalam usaha merungkai ilmu yang terangkum dalam manuskrip perubatan Melayu, beberapa pengkaji tempatan telah memulakan kajian terhadap beberapa naskhah perubatan tradisional seperti *Bustan al-Salatin* (Pisol, 1995 & 2013), *Kitab Tibb* (Pisol, 1995; Harun Mat Piah, 2006) *Kitab Tib Pontianak* (Ab. Razak Ab. Karim, 2006; Faisal @ Ahmad Faisal & Nurul Wahidah binti Fauzi, 2012) dan juga *Ihsan fi Tibb al-Insan* (Pisol, 1995; Faisal @ Ahmad Faisal & Helwana, 2007). Selain itu, kajian turut dilakukan oleh Mohd Anwar (2009) terhadap perbomohan khusus di Johor yang menggunakan Kitab Tib seperti *Tajul Muluk*, *Mujarabat*, *Pati Rahsia* dan kitab-kitab Tib lainnya yang tidak mempunyai judul. Secara keseluruhannya, fokus kajian terdahulu adalah tertumpu kepada aspek transliterasi, penggunaan bahasa, *materia medica*, etnofarmakologi dan pengaruh Islam yang agak ketara. Justeru, satu kajian adalah dicadangkan bagi mengkaji konsep keharmonian antara manusia, alam dan Pencipta dalam perubatan Melayu berpandukan manuskrip Melayu *Kitab Tib*. Manuskrip yang dipilih bagi kajian ini adalah terbahagi kepada manuskrip bertulisan jawi yang telah ditransliterasikan kepada rumi dan juga manuskrip bertulisan jawi khususnya di luar negara yang belum dikaji oleh mana-mana penyelidik.

KEHARMONIAN ANTARA MANUSIA DAN ALAM DALAM PERUBATAN MELAYU

Alam menurut pemahaman Melayu terbahagi kepada dua iaitu mikrokosmos iaitu diri manusia sebagai alam yang kecil yang meliputi fizikal, akal, roh, semangat dan lain-lain serta makrokosmos yang meliputi alam sekitar dan alam ghaib (Muhammad 'Uthman El-Muhammady, 2001). Dalam konteks hakikat kewujudan pula, manusia adalah makrokosmos manakala alam hanyalah mikrokosmos memandangkan kedudukan manusia adalah lebih utama di sisi Tuhan. Keadaan ini, jelas Pisol (2013), diungkapkan dengan jelas oleh Syeikh Nuruddin dalam kitab *Bustan al-Salatin* seperti berikut:

Maka adalah wujud insan itu bernama alam kabir, bumi dan langit dan barang yang ada antara keduanya itu bernama alam soghir. Dan kejadian insan itu terlebih baik daripada semesta sekalian dari kerana terhimpun dalamnya segala barang yang ada dalam langit dan bumi.

(Syeikh Nuruddin, t.t: 94 dipetik dalam Pisol, 2013)

Pemikiran saintifik dan teknik perubatan Melayu terhasil dari pemerhatian, kajian dan pembelajaran dari alam. Berdasarkan pemerhatian terhadap *Kitab Tib* Pontianak, Abdul Razak

(2006) membuat kesimpulan bahawa pemilihan flora dibuat dengan penuh ketelitian dan tidak hanya terhad kepada penggunaan daun bagi memperlihatkan kelebihan setiap aspek tumbuhan termasuklah buah, biji, kulit dan akar yang setiap satunya mempunyai khasiatnya yang tersendiri bagi mengubati penyakit (Abdul Razak, 2006). Bagi memastikan keberkesanan rawatan, tumbuhan ubat dipetik atau diambil pada masa-masa tertentu dengan memberikan tumpuan yang khusus terhadap perubahan musim memandangkan bahan aktif tumbuhan bukan hanya berubah mengikut keadaan tanah dan iklim tetapi turut berubah mengikut musim. Malah, umur dan kematangan tumbuhan turut diambil kira bagi memastikan mutu dan nilai kandungan aktif adalah terjamin (Faisal @ Ahmad Faisal & Nurul Wahidah, 2012).

Setiap masyarakat mempunyai sistem perubatan dan cara pengubatan yang tersendiri kesan pengaruh lingkungan alam dan persekitaran serta kepercayaan dan budaya yang diwarisi. Falsafah penggunaan alam, jelas Zainal Kling (1995) ialah Allah mencipta alam untuk manfaat manusia. Justeru, paradigma Melayu adalah mesra alam dan mementingkan keseimbangan. Kepercayaan bahawa 'setiap penyakit pasti ada ubatnya' bukan hanya mendorong kepada kajian tentang khasiat perubatan dari alam tetapi juga kajian terhadap unsur-unsur ghaib, mistik serta magis bagi mewujudkan keseimbangan dan keharmonian. Konsep keharmonian dalam perubatan Melayu meliputi unsur-unsur dalam badan, sesama manusia dan juga antara manusia dengan alam dan persekitaran. Dalam kitab *Bustan al-Salatin* misalnya disebutkan bahawa terdapat empat cairan atau *humor* utama dalam tubuh manusia iaitu darah, balgam, air hempedu kuning dan air hempedu hitam (Pisol, 2013). Menurut Kitab Tib, unsur-unsur dalam badan manusia ini dikaitkan dengan empat anasir alam seperti tanah, air, api dan angin mempunyai perwatakannya yang tersendiri. Tanah contohnya dikatakan bersifat dingin dan kering manakala api mempunyai sifat panas dan kering (Hashim, 1990). Jelas Fisol (2013: 189):

Keempat-empat anasir yang terdapat dalam badan manusia ini hanyalah simbol yang menggambarkan manifestasi alam tabii ini dalam tubuh insan dan bukan merujuk kehadiran anasir-anasir ala mini secara fizikal. Anasir-anasir ini penting kerana membawa sifat-sifat alam dalam diri manusia menerusi humor dan dengan ini mengharmonikan manusia dengan alam ini.

Dalam hal ini, humor darah adalah bersifat panas dan lembap seperti air manakala humor air hempedu hitam adalah bersifat sejuk dan kering seperti sifat tanah. Hasil interaksi antara anasir-anasir ini, tambah Fisol (2013) menghasilkan temperamen iaitu pembawaan dan perangai yang unik bagi setiap individu sepertimana yang dapat diperhatikan dalam fenomena alam yang tercetus akibat daripada campuran keempat-empat anasir ini.

Berdasarkan ilmu perubatan Melayu tradisional, klasifikasi dan rawatan penyakit adalah ditentukan berdasarkan sumber penyakit tersebut. Menurut A. Samad (1980), penyakit menurut manuskrip perubatan Melayu adalah berpunca daripada angin, balgam, darah atau campuran darah dan angin. Angin menurut Hashim (2010) merujuk kepada udara yang membawa kotoran atau penyakit dan memasuki atau menyerap ke dalam badan melalui rongga-rongga badan seperti hidung, mulut dan liang roma. Istilah angin turut merujuk kepada gas yang berkumpul dalam perut atau urat dan juga jiwa serta perasaan. Punca penyakit, jelas A. Samad (1980), dapat diketahui dengan melihat kepada simptom-simptom yang dialami oleh pesakit. Sebagai contoh, penyakit yang dikatakan berpunca daripada angin menyebabkan pesakit mempunyai simptom-simptom seperti badan gementar, mengalami pening kepala, tubuh menggeliat dan sakit pada kedua-dua rusuk dan perut. Sakit yang disebabkan oleh balgam pula akan menyebabkan pesakit mempunyai tanda-tanda seperti mengerang kerana kesejukan, hilang selera makan dan

mengalami demam pada waktu pagi. Penyakit yang disebabkan oleh unsur-unsur natural ataupun tabie ini pada kebiasaannya dirawat dengan ubat-ubatan dari sumber alam ataupun bekam bagi mengeluarkan mengeluarkan ‘darah kotor’ dan ‘angin sejuk’ daripada badan (Mohd. Koharuddin, 2003). Walau bagaimanapun, penyakit yang dipercayai disebabkan oleh unsur-unsur supernatural seperti sihir, makhluk halus dan kuasa luar biasa seperti Tuhan memerlukan kaedah rawatan yang berbeza.

KEHARMONIAN ANTARA MANUSIA. ALAM DAN PENCIPTA DALAM PERUBATAN MELAYU

Elemen asas pandangan semesta Melayu selepas menerima pengaruh Islam ialah kepercayaan kepada Allah dan keyakinan bahawa segala alam, termasuk alam dunia, alam arwah dan alam akhirat dicipta dan ditadbir oleh Allah. Sumber utama kepercayaan menurut Hashim Musa (2001) adalah wahyu. Teras utama pandangan semesta Melayu adalah Islam sebagai *ad-deen* yang mencakupi segala aspek termasuk konteks hubungan manusia dengan alam, makhluk dan Allah. Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Roziah Sidik (2011), corak pemikiran perubatan yang dapat dilihat daripada manuskrip MSS 1292 Kitab Tib menunjukkan bahawa kepercayaan Islam yang menjadi anutan masyarakat Melayu memberikan kesan kepada aplikasi perubatan masyarakat khususnya pada awal abad ke-19. Ini dapat dilihat daripada penggunaan ayat-ayat al-Quran sama ada yang dipetik secara rambang, digabungkan dengan ayat-ayat al-Quran lainnya atau dicampurkan dengan ungkapan-ungkapan tertentu dalam doa. Contohnya ialah doa yang dibaca untuk mengubati penyakit muntah, sakit mata, barah, bisul, luka atau tumpah darah yang menggunakan ayat 137 dari Surah al-Baqarah dan dicampur dengan ungkapan-ungkapan tertentu. Antara ungkapan-ungkapan yang digunakan ialah insyaAllah yang digunakan dalam rawatan sakit kepala, *ya qadiya al-hajat* yang digunakan dalam rawatan sakit pinggang dan *ya ghafur* yang digunakan untuk mengubati pening kepala. Selain itu, terdapat juga kaedah perubatan yang menggunakan hadith (Mohd Koharuddin, 2003) dan bacaan-bacaan tertentu seperti contohnya bacaan ketika mengambil tumbuhan ubat yang dimulai dengan *Basmalah* dan diikuti dengan selawat, salam kepada Nabi Alias sebagai penjaga tumbuhan dan diakhiri dengan *Basmalah* (Hashim, 1996). Bacaan surah-surah atau ayat-ayat tertentu turut diamalkan bagi mengubati penyakit. Contohnya ialah rawatan sakit kepala yang menggunakan surah al-Ikhlash dan gabungan ayat 66 dari Surah Yasin dan ayat 111 dari Surah Taha bagi mengubati sakit mata (Roziah, 2011).

Hubungkait antara manusia, alam dan Tuhan dalam perubatan Melayu dapat dilihat dalam konteks ‘Huquq Allah’, ‘Huquq al-ibad’ dan ‘Huquq al-alam’ yang memperlihatkan ciri-ciri komprehensif perubatan Melayu yang mendapat suntikan dari Islam. Dalam konteks ‘Huquq Allah’ misalnya dapat dilihat pergantungan masyarakat Melayu kepada Allah dalam pengubatan seperti yang dapat dilihat daripada ungkapan ‘afiat olehnya dengan tolong Tuhan seru sekalian alam’ (Roziah, 2011) manakala dalam konteks hubungan sesama manusia, penekanan diberikan kepada penunaian hak individu dan masyarakat (Wan Abdul Halim, 1993) terutamanya dalam memberikan bantuan dan sokongan ketika sakit. Aspek ‘Huquq al-Alam’ pula dapat dilihat daripada peranan manusia sebagai penjaga alam dan larangan daripada memusnahkan alam yang dilihat sebagai salah satu intipati ajaran agama (Mohd Nor, 1985).

Berdasarkan kepercayaan dan pandangan semesta Melayu, konsep yang ditekankan dalam masyarakat Melayu ialah kesederhanaan yang meliputi fikiran dan tindakan dalam konteks hubungan manusia dengan alam, makhluk dan Tuhan (Abdul Halim & Md Shuaib, 1993). Konsep kesederhanaan ini ditekankan bukan hanya dalam pemakanan malah pergaulan dan kelakuan dalam konteks hubungan manusia dengan makhluk, alam dan Tuhan. Konsep ini dilihat penting dalam usaha mewujudkan keharmonian antara manusia sesama manusia, dengan alam dan juga Tuhan bagi mengelakkan kemudharatan dan juga bencana. Dalam konteks perubatan Melayu, konsep kesederhanaan dilihat penting dalam usaha mencegah penyakit. Kesederhanaan pada makanan misalnya mampu bertindak sebagai ‘ubat yang terlebih utama daripada sekalian ubat’ dengan mengamalkan makan dan minum hanya ketika lapar dan dahaga serta berhenti sebelum kenyang (Abdul Samad, 1983: 12) Kepentingan kesederhanaan, terutamanya dalam konteks pemakanan ini turut ditekankan oleh Syeikh Nuruddin dalam kitabnya *Bustan al-Salatin* (Pisol, 2013).

KESIMPULAN

Perubatan Melayu memperlihatkan pengetahuan dan kearifan tempatan yang bersumberkan akumulasi pengetahuan dan pengalaman serta interaksi dengan budaya berbeza. Kajian terhadap intipati manuskrip perubatan Melayu atau *Kitab Tibb* adalah penting kerana ia memberikan sudut pandang berbeza daripada yang sering dimomokkan oleh golongan orientalis di samping menonjolkan ciri-ciri saintifik dalam perubatan Melayu. Berdasarkan analisis awal yang dibuat terhadap manuskrip perubatan Melayu terutamanya *Kitab Tibb*, dapat dirumuskan bahawa perubatan Melayu mempunyai ciri-ciri holistik yang gagal ditonjolkan oleh perubatan Barat. Pengetahuan perubatan Melayu yang telah digunakan serta diuji keberkesannya sejak turun temurun memperlihatkan fokus kepada hubungan timbal balik antara manusia dan alam serta penyesuaian kepada persekitaran bagi mewujudkan keharmonian dan keseimbangan. Hubungkait antara fizikal, spiritual, persekitaran, psikologi dan kesihatan dalam perubatan Melayu menunjukkan bahawa pengetahuan dan kearifan tempatan adalah tinggi dan mampu dikagumi.

RUJUKAN

- Abdul Halim Othman & Md. Shuaib Che Din. (1993). Sifat Kesederhanaan. Dalam Abdul Halim Othman (Ed), *Psikologi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Razak Abdul Karim. (2006). *Analisis Bahasa dalam Kitab Tib Pontianak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A.Samad Ahmad. (1980). *Warisan Perubatan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ding, Choo Ming. (2008). *Manuskrip Melayu: Sumber Maklumat Peribumi Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Ding, Choo Ming. (2008). Pemikiran Melayu dalam Manuskrip Melayu. *Jurnal Aswara*, 3 (2), 195-224.
- Endicott, Kirk Michael. (1970). *An Analysis of Malay Magic*. Oxford: Clarendon Press.
- Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid dan Helwana Muhammad. (2007). Manuskrip Perubatan Melayu-Islam di Fatani: Ulasan Terhadap Manuskrip Kitab Tayyib al-Ihsan fi Tibb al-Insan Karya Syeikh Ahmad al-Fatan. *Jurnal al-Tamaddun*. 3, 1-20.
- Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid dan Nurul Wahidah binti Fauzi.(2012). Perubatan Melayu Tradisional: *Kitab Tibb* Pontianak. *Jurnal al-Tamaddun*. 7, 149-162.
- Harun Mat Piah. (2006). *Kitab Tib – Ilmu Perubatan Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Hashim Awang. (1990). Family-based Popular Health Culture in a Malay Village in Kelantan, Peninsula Malaysia. Tesis Ph.D, University of Hawaii.
- Hashim Awang. (1996). Prinsip Asas Perubatan Melayu. Dalam *Dewan Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Hashim Awang. (2010). Penyakit dalam Kitab Tib Melayu: Manifestasi Pemikiran Melayu tentang Perubatan'. Dalam A.Aziz Deraman (Ed), *Peradaban Melayu Timur Laut: Memperkasakan Warisan Persuratan Melayu* (hlm 40-62). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Musa. (2001). *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam: Ke Arah Pembinaan Sebuah Tamadun Dunia Alaf Baru*. Kuala Lumpur: APMUM
- Hassan Omar. Caj tinggi punca manuskrip Melayu tersimpan di Britain. *Berita Harian*, 11 Julai 2006.
- Hood Mohd Salleh. (1989). Perubatan Melayu Tradisi. Dalam Ismail Hussein et. al., *Tamadun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahayudin Yahaya. (2000). *Karya Klasik Melayu Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maxwell, W. E. (1883). Shamanism in Perak, *Journal of Straits Branch of Royal Asiatic Society*, 12, 222-32.
- Md Salleh Yaspar. (1985). The World-view of Peninsular Malaysian Folk-Tales and Folk Drama. Dalam Mohd Taib Osman (Ed), *Malaysian World-view*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Mohd. Anwar Omar Din. (2009). Latar Belakang Perbomohan Melayu: Satu Kajian Awal Di Negeri Johor. *Jurnal Aswara*, 4 (2), 44-74.

- Mohd Koharuddin Mohd Balwi. (2003). Ketamadunan Melayu dan Sains: Satu Analisis Awal ke atas Pencapaian Masyarakat Melayu dalam Bidang Sains. *Jurnal Teknologi*, 39 (E), 47-61.
- Mohd Nor Ngah. (1985). Islamic World-view of Man, Society and Nature among the Malays in Malaysia. Dalam Mohd Taib Osman (Ed), *Malaysian World-view*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies
- Muhammad 'Uthman El-Muhammady. (2001). Kosmologi pada Para Fuqaha dan Ulama Sufiah. Dalam Yaacob Haron (Ed), *Pemikiran Melayu dalam Kosmologi Melayu* (hlm 10-22). Kuala Lumpur: APMUM.
- Nurdeng Deuraseh. (2010). Pandangan Semesta Masyarakat Melayu Perspektif Perubahan Tradisional. *International Journal of Social Policy and Society*, 7, 80-89.
- Pisoi Maidin. (1995). Konsep Kesihatan dan Etnofarmakologi: Satu Kajian Falsafah Berdasarkan Beberapa Naskhah Manuskrip Perubahan Tradisional *Bustan al-Salatin*, *Kitab Tibb* dan *Taiyyib al-Ihsan*. Disertasi Sarjana Sains, Universiti Malaya.
- Pisoi Maidin. (2013). Ilmu Anatomi dan Fisiologi dalam Kitab *Bustan al-Salatin*. Dalam Rahimah A.Hamid, Mohd Kipli Abdul Rahman & Nazarudin Zainun (Ed), *Kearifan Tempatan: Pengalaman Nusantara Meneliti Khazanah Sastera, Bahasa dan Ilmu* (hlm180-192)
- Roziyah Sidik @ Mat Sidik. (2011). Corak Pemikiran Perubahan Penulis Manuskrip dalam MSS 1292 *Kitab Tibb*. Dalam Azmul Fahimi et al, *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara* (hlm 410-413). Bangi: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam.
- Shaharir Mohamad Zain. (2003). *Sains dan Teknologi Melayu Sebelum Penjajahan Eropah*. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 1 (2). 157-204.
- Skeat, Walter William. (1900). *Malay Magic: Being an Introduction to the Folklore and Popular Religion of the Malay Peninsula*. New York: The Macmillan Company.
- Wan Abdul Halim Othman. (1993). Hubungan Kekeluargaan dalam Masyarakat Melayu. Dalam Abdul Halim Othman (Ed), *Psikologi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Ali Wan Mamat. (1985). *Katalog Manuskrip Melayu di Belanda*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Winzeler, Robert. (1983). The study of Malay magic. *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde* 139 (1983), 4,435-458.

Zainal Kling. (2000). Manusia Melayu, Alam dan Tamadunnya dalam Globalisme dan Patriotisme. Dalam Abd Latif Abu Bakar (Ed), *Sastera Melayu: Kumpulan Makalah Hari Sastera 1995*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.